

Baca soalan yang diberikan dengan teliti. Pilih jawapan yang betul bagi setiap soalan dan jawab di kertas jawapan yang telah disediakan.

- 

7. Menjalankan segala perintah dan menjauhi larangan-Nya termasuk amanah kepada _____.

- a) sesama manusia b) malaikat
- c) Allah SWT d) Nabi

8. Antara contoh melaksanakan amanah kepada diri sendiri ialah _____.

- a) menjaga kesihatan tubuh b) menjaga tumbuh-tumbuhan
- c) menjaga rahsia orang lain d) menjaga kucing jiran

9. Apabila seseorang itu tidak bersikap amanah, ianya boleh menyebabkan _____.

- a) disayangi teman b) dijauhi teman
- c) hatinya tenang d) dihargai orang lain.

10. Salah satu hikmah berperilaku amanah ialah _____.

- a) dimudahkan segala urusannya b) tidak punya teman
- oleh Allah SWT
- c) tidak dipercayai orang lain d) hidupnya akan susah

11. Dibawah ini merupakan antara contoh perilaku amanah dalam kehidupan sehari-hari, kecuali _____.

- a) rajin belajar b) menjaga nama baik guru
- c) menjaga nama baik orang tua d) mengabaikan tugas sekolah.

12. _____ adalah antara kesan mengamalkan sikap amanah.

- a) Mengeratkan hubungan b) Melalaikan daripada
- persaudaraan. tanggungjawab
- c) Memutuskan hubungan d) Mendapat ramai musuh
- persahabatan.

13. Berikut ini adalah antara hikmah dari sifat amanah, kecuali _____.

- a) disenangi sahabat b) disanjung masyarakat
- c) dikhianati sahabat d) dipercayai oleh guru

14. Tingginya darjat seseorang itu kerana melaksanakan amanah dalam kehidupan seharian, sebab amanah itu berkait erat dengan _____.

- a) beban hidup b) kewajipan
- c) tanggungjawab d) tipu daya

15. Ketika ketuamu memberikan kepercayaan kepada kita untuk melaksanakan suatu tugas, sikap kita seharusnya _____.

- | | |
|--|--|
| a) menolak kerana tidak mampu | b) menerima dan beri tugas tersebut kepada orang lain. |
| c) menerima dan menjalankan sesuai kemampuan | d) mencaci dan memarahi ketua |

16. Seorang pekerja diamanahkan untuk menjaga hasil kutipan duit syarikat, pekerja tersebut hendaklah _____.

- | | |
|--|--|
| a) membelanjakan duit syarikat untuk kepentingan sendiri | b) menjaga duit itu dengan baik dan disimpan dengan cermat |
| c) memberikan duit syarikat itu kepada jiran | d) disimpan di dalam peti besi dan menghilangkan kuncinya |

17. Saya adalah seorang yang menjaga amanah. Saya perlu _____.

- | | |
|---------------------------------|------------------------------|
| a) menjaga rahsia sahabat saya | b) mencaci sahabat saya |
| c) menyebarkan aib sahabat saya | d) membuat kerja sambil lewa |

18. Seseorang yang mengkhianati amanah akan tergolong dalam golongan orang yang _____.

- | | |
|------------|---------|
| a) beriman | b) kuat |
| c) munafik | d) baik |

19. "Biar pecah di _____, jangan pecah di mulut" nasihat Ali pada Omar.

- | | |
|-----------|----------|
| a) tangan | b) bibir |
| c) perut | d) kaki |

20. Sifat amanah ini boleh dilihat melalui perbuatan seperti perkataan, keputusan dan _____.

- | | |
|-------------|------------|
| a) tindakan | b) harta |
| c) pakaian | d) makanan |

(2) ISI TEMPAT KOSONG

(Petikan dari buku Bimbingan Akhlak Mulia dan Nilai-Nilai Murni, Mohd.Yusoff, m/s 36)

masalah	manusia	masyarakat	masyarakat	dirinya
pekerjaan	sifat	moral	Pekerja	penyelewengan
mengkhianati	rakyatnya	jujur	mengerjakan	ditunaikan
keluarganya	komuniti	tenang	negara	pemimpin

Amanah ialah satu _____ yang boleh dipercayai dan _____ apabila diminta untuk menyampaikan atau mengerjakan sesuatu _____. Orang yang amanah tidak akan _____ orang lain dan _____ akan merasa damai dan _____ apabila berada di sampingnya.

Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada orang yang berhak menerimanya.” (Surah An-Nisaa: 58)

Setiap _____ yang hidup di dunia ini mempunyai amanah yang perlu _____; seorang ayah perlu menunaikan amanah kepada _____; seorang _____ mempunyai amanah pada majikannya, seorang pemimpin mempunyai amanah pada _____, bahkan setiap manusia mempunyai amanah dengan Allah SWT supaya menjaga _____ dari segala laranganNya dan _____ suruhanNya.

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang bermaksud:

“Setiap kamu adalah pemimpin dan akan ditanya tentang rakyatmu.”

_____ yang tidak amanah akan menghadapi berbagai _____. Apabila amanah disia-siakan maka akan hancurlah sesuatu _____, bangsa bahkan _____. Apabila _____

sudah tidak amanah lagi pada rakyatnya, _____ mula berleluasa dan nilai _____
manusia tidak akan berharga lagi.

Untuk melaksanakan sesuatu amanah kita memerlukan kepada ilmu pengetahuan. Seorang yang
_____ dan bodoh tidak akan dapat menunaikan amanah yang diberikan.

(3) SOALAN SUBJEKTIF

1. Apa yang dimaksudkan dengan amanah? (2 markah)

2. Berikan 5 ciri-ciri sifat amanah. (5 markah)

3. Senaraikan 5 kesan positif apabila mengamalkan sikap amanah. (5 markah)

4. Senaraikan 5 kesan negatif apabila mengkhianati amanah. (5 markah)

5. Berikan contoh keadaan atau situasi yang berkaitan dengan sikap amanah. (3 markah)

(4) KEFAHAMAN

Amanah bermaksud sikap bertanggungjawab bagi menjalankan tugas, menyimpan rahsia, harta benda, menjaga dan memelihara sesuatu tugas atau perintah yang telah diberikan mengikut peranan masing-masing.

Ibu bapa diberikan amanah untuk memelihara dan menjaga anak-anak mereka. Anak-anak memegang amanah untuk mencari ilmu pengetahuan dan sentiasa berkelakuan baik. Guru-guru diamanahkan untuk mendidik pelajar-pelajar supaya menjadi manusia yang berguna. Sifat amanah ini boleh dilihat melalui perbuatan seperti perkataan, keputusan dan tindakan.

Hidup jujur dan amanah mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- 1) bekerja dengan niat kerana Allah.
- 2) Tidak sombong atau bangga dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- 3) Yakin apa yang dibuat atau dilaksanakan adalah betul dan betul.
- 4) Sentiasa mentaati perintah.
- 5) Mudah memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan.
- 6) Menepati sebarang perjanjian.

Sikap amanah yang diamalkan oleh seseorang itu mempunyai kesan tertentu iaitu:

- 1) mewujudkan kepercayaan kepada seseorang.
- 2) Mengeratkan hubungan persaudaraan dan persahabatan.
- 3) Sentiasa memberikan perhatian dan tumpuan.
- 4) Mewujudkan sikap bertanggungjawab, dedikasi dan lain-lain.

Jawab semua soalan dibawah ini:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan amanah? (5 markah)

2. Jelaskan dengan ringkas, siapakah yang perlu menjalankan sikap amanah? (5 markah)

3. Senaraikan 5 kesan positif apabila mengamalkan sikap amanah. (5 markah)

4. Senaraikan 5 kesan negatif apabila mengkhianati amanah. (5 markah)

(5) BETUL ATAU SALAH

Kategorikan kenyataan di bawah ini dengan BETUL atau SALAH di dalam petak yang disediakan.

Bil.	Kenyataan	Jawapan
1	Amanah ialah satu sifat keji.	
2	Kita perlu menjaga rahsia orang lain.	
3	Orang yang amanah tidak mengkhianati masyarakat.	
4	Seorang ayah tidak perlu menunaikan amanah kepada keluarganya.	
5	Orang yang bersifat amanah akan dihormati oleh kawan-kawan.	
6	Mengkhianati amanah adalah salah satu sifat orang yang beriman.	
7	Apabila ibu memberi duit untuk membeli barang, saya akan membelanjakannya dengan betul dan jujur.	
8	Apabila guru memberi tugas kepada pelajarinya, pelajar itu hendaklah mengabaikan tugas yang diberikan.	
9	Orang yang amanah itu sentiasa mentaati perintah.	
10	Orang yang mengkhianati amanah itu boleh mengeruhkan hubungan persaudaraan dan persahabatan.	